

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

SOALAN : 428

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status dan lokasi-lokasi pemasangan sistem kamera AES (Automated Enforcement System) di seluruh Malaysia. Berapakah jumlah saman AES telah dikeluarkan sejak perlaksanaannya dan nyatakan jumlah kompaun yang telah dibayar oleh pesalah-pesalah.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Sehingga kini, sebanyak 38 kamera *Automated Awareness Safety System* (AwAS) telah beroperasi melibatkan 13 lokasi di negeri Perak, 7 lokasi di Kedah, 6 lokasi di Negeri Selangor, 4 lokasi di negeri Johor, 2 lokasi di negeri Negeri Sembilan, 2 lokasi di negeri Terengganu, 2 lokasi di negeri Melaka, 1 lokasi di negeri Kelantan dan 1 lokasi di negeri Putrajaya

Dari segi statistik, sebanyak **3,863,331** jumlah saman AES telah dikeluarkan sejak perlaksanaannya pada tahun 2012 sehingga 30 Jun 2018 dan sebanyak **675,902** kompaun telah diselesaikan oleh pesalah-pesalah sehingga 30 Jun 2018.

JUMLAH KAMERA AWAS MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS KAMERA	TAHUN	BIL KAMERA
SELANGOR	HAD LAJU	2012	2
		2017	2
		2018	2
JUMLAH			6
PUTRAJAYA	HAD LAJU	2012	1
JUMLAH			1
NEGERI SEMBILAN	HAD LAJU	2018	2
JUMLAH			2
PERAK	HAD LAJU	2012	3
		2017	1
	LAMPU ISYARAT	2012	2
		2018	7
JUMLAH			13
JOHOR	HAD LAJU	2017	2
		2018	2
JUMLAH			4
KEDAH	HAD LAJU	2017	1
		2018	2
	LAMPU ISYARAT	2018	4
JUMLAH			7
TERENGGANU	HAD LAJU	2017	2
JUMLAH			2
KELANTAN	HAD LAJU	2017	1
JUMLAH			1
MELAKA	HAD LAJU	2018	2
JUMLAH			2
JUMLAH KESELURUHAN			38

